



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SABTU, 27 SEPTEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



27/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	MANGSA GANGGUAN SEKSUAL HARUS BUAT ADUAN SEGERA KE KAUNTER TRIBUNAL ATAU TALIAN KASIH: NANCY		POSITIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/09/26/mangsa-gangguan-seksual-harus-buat-aduan-segera-ke-kaunter-tribunal-atau-talian-kasih	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.theborneopost.com/2025/09/26/minister-students-victims-can-report-sexual-harassment-directly-via-tribunal-talian-kasih/	THEBORNEOPOST.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/09/26/worryin-g-increase-in-number-of-sexual-harassment-cases-says-nancy-shukri	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	ROGOL STATUTORI: SELANGOR TEGAS LINDUNGI MANGSA BAWAH 18 TAHUN		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/749652/berita/nasional/rogol-statutori-selangor-tegas-lindungi-mangsa-bawah-18-tahun	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://seeni.my/article/rogol-statutori-selangor-tegas-lindungi-mangsa-bawah-18-tahun-sinar-harian-749652	SEENI.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	SELANGOR BERI GERAN RM400,000 BANTU TASKA ENGGAN TERIMA BAYI BAWAH SETAHUN		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/749660/edisi/selangor-kl/selangor-beri-geran-rm400000-bantu-taska-enggan-terima-bayi-bawah-setahun	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/09/26/gaji-minimum-cetus-panik-taska-tak-ambil-bayi/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/749706/edisi/selangor-kl/selangor-salur-geran-khas-galak-taska-daftar-jkm---exco	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/selangor-beri-geran-rm400000-bantu-taska-enggan-terima-bayi-bawah-setahun-540159	ASTROAWANI.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



27/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	MESYUARAT EXCO WANITA UMNO MALAYSIA		POSITIF
	https://umno-online.my/2025/09/26/mesyuarat-exco-wanita-umno-malaysia-4/	UMNO-ONLINE.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	KERAJAAN PERLUAS DIALOG AWAM ANTIBULI MELIBATKAN KANAK-KANAK		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kerajaan-perluas-dialog-awam-antibuli-melibatkan-kanak-kanak	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	259 KELUARGA TERJEJAS BANJIR TERIMA RM1,000		POSITIF
	https://www.dailyexpress.com.my/news/267268/259-keluarga-terjejas-banjir-terima-rm1-000/	DAILYEXPRESS.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	BSN SERAH SUMBANGAN RM45,000		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1268204/bsn-serah-sumbangan-rm45000	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



27/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	INKUES ZARA QAIRINA: SAKSI KANAK-KANAK KEEMPAT SELESAI BERI KETERANGAN		NEUTRAL
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/inkues-zara-qairina-saksi-kanak-kanak-keempat-selesai-beri-keterangan	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/749680/berita/semasa/inkues-zara-qairina-saksi-kanak-kanak-keempat-selesai-beri-keterangan	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	AMANG SEKSUAL FIZIKAL: GURU LELAKI DIPENJARA 15 TAHUN, LIMA SEBATAN		NEGATIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/09/26/amang-seksual-fizikal-guru-lelaki-dipenjara-15-tahun-lima-sebatan	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://suarasarawak.my/amang-seksual-dipenjara-15-tahun-5-sebatan/	SUARASARAWAK.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Mangsa gangguan seksual harus buat aduan segera ke kaunter tribunal atau talian kasih: Nancy

© September 26, 2025, Jumaat - 6:55pm



Nancy (tengah) merakamkan gambar bersama wakil agensi serta jabatan pada majlis perasmian Program Toleransi Sifar Keganasandi Hotel Promenade Bintulu, hari ini.

BINTULU: Setiap mangsa gangguan seksual khususnya pelajar sekolah harus membuat aduan terus kepada kaunter tribunal atau menghubungi talian kasih 15999 tanpa perlu melalui pihak sekolah bagi membolehkan tindakan segera diambil, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kata Dato Sri Nancy Syukri.

Menurutnya, Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS) telah ditubuhkan bagi tujuan melindungi semua individu sama ada wanita atau lelaki yang menjadi mangsa gangguan seksual di mana sahaja tempat mereka belajar, bekerja dan sebagainya, sekali gus membolehkan bantuan yang diberikan kepada mereka serta-merta.

"Ia antara lain merupakan saluran alternatif yang pantas dengan kos rendah bagi membantu mangsa gangguan seksual di Malaysia dengan mengemukakan aduan dan menuntut pampasan daripada pelaku," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sejurus menyempurnakan majlis perasmian Program Toleransi Sifar Keganasan di Hotel Promenade di sini, hari ini.

Nancy berkata, aduan terus ke kaunter tribunal dan talian kasih akan memastikan mangsa gangguan seksual mendapat bantuan serta tindakan pantas sebelum lebih banyak lagi kejadian yang tidak diinginkan daripada berlaku.

"Pada masa sama, pihak sekolah tidak boleh menyembunyikan sebarang kes yang melibatkan gangguan seksual yang berlaku di sekolah kerana ia melibatkan maruah serta keselamatan mangsa," jelasnya.

Justeru tegasnya, setiap mangsa harus mengambil tindakan secepat mungkin bagi membolehkan bantuan segera diambil sekali gus mengenakan tindakan undang-undang terhadap pesalah.

Terdahulu dalam ucapan perasmian, Nancy berharap semua pihak sentiasa peka terhadap perkara atau kejadian yang menjurus ke arah gangguan seksual yang berlaku di sekolah masing-masing.

"Ia bukan hanya boleh berlaku melalui sentuhan atau serangan terhadap tubuh mangsa, malah dalam bentuk kata-kata yang menjurus ke arah seksual," tambahnya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Rogol statutori: Selangor tegas lindungi mangsa bawah 18 tahun

Sekiranya terdapat cadangan untuk meminda undang-undang, ia perlu diteliti secara menyeluruh termasuk mengambil kira faktor sosial dan ketidakadilan yang berlaku dalam masyarakat.



MOHD IZZATUL IZZUAN TAHIR

Follow

26 September 2025 11:06am



Anfaal (dua dari kiri) bersama orang ramai pada Majlis Perasmian Pembukaan Mydin Mart Olak Lempit pada Jumaat.

BANTING – Kerajaan Selangor menegaskan bahawa wanita, khususnya remaja bawah umur tidak wajar dipersalahkan dalam kes rogol statutori walaupun ia berlaku atas dasar suka sama suka.

Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, Anfaal Saari berkata, undang-undang jelas menyatakan bahawa rogol statutori terpakai terhadap kanak-kanak bawah umur 18 tahun.

"Walaupun ia dikatakan hubungan suka sama suka antara lelaki dan perempuan, dari segi undang-undang adalah salah untuk meletakkan kesalahan kepada kanak-kanak perempuan berusia bawah 18 tahun," katanya ketika ditemui selepas Majlis Perasmian Pembukaan Mydin Mart Olak Lempit di sini pada Jumaat.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas cadangan Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusoff Mamat, yang mahu tindakan undang-undang turut dikenakan terhadap perempuan terbabit dalam hubungan seks suka sama suka.

Mengulas lanjut, Anfaal menjelaskan bahawa perkara lebih penting adalah meneliti punca bagaimana pemangsa boleh melakukan tindakan tersebut.

"Kita perlu melihat faktor keselamatan, kasih sayang keluarga dan hubungan dalam keluarga.

"Jika hanya menuding jari dan menyalahkan, masalah ini tidak akan selesai kerana kita tidak menilai akar punca sebenar," katanya.

Anfaal berkata, sekiranya terdapat cadangan untuk meminda undang-undang, ia perlu diteliti secara menyeluruh termasuk mengambil kira faktor sosial dan ketidakadilan yang berlaku dalam masyarakat.

"Kita bukan hanya mahu melihat siapa pelaku, lelaki atau perempuan tetapi mengapa perkara itu boleh berlaku.

"Faktor ekonomi, tahap pendidikan agama dan masalah sosial lain juga perlu diberi perhatian.

"Jika perlu, pindaan undang-undang itu harus dibawa ke Dewan Rakyat untuk dibincangkan secara menyeluruh," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Selangor beri geran RM400,000 bantu taska enggan terima bayi bawah setahun



MOHD IZZATUL IZZUAN TAHIR

Follow

26 September 2025 11:47am



Anfaal ditemui pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Pembukaan Mydin Mart Olak Lempit, pada Jumaat.

BANTING - Kerajaan Selangor akan memperkukuh bantuan melalui geran pusat jagaan bernilai RM400,000 bagi membantu pengusaha taman asuhan kanak-kanak (taska) yang terkesan dengan isu enggan menerima bayi bawah setahun.

Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat, Anfaal Saari berkata, pihaknya telah menyampaikan perkara itu kepada Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad susulan kebimbangan ibu bapa terhadap situasi berkenaan.

"Saya menyatakan hasrat bahawa perlu untuk pihak kementerian mengkaji keperluan memberikan subsidi kepada ibu bapa yang menghantar anak-anak," katanya ketika ditemui selepas Majlis Perasmian Pembukaan Mydin Mart Olak Lempit di sini pada Jumaat.

Anfaal memberitahu, langkah itu penting kerana ia mungkin akan memberi kesan kewangan kepada pengusaha taska.

"Kita perlu ambil kira bukan sahaja tentang keselamatan tetapi dari segi perniagaan dan kualiti juga," jelas beliau.

Menurut Anfaal, kementerian sedang menjalankan kajian mengenai impak pelaksanaan gaji minimum RM1,700 yang berkuat kuasa Ogos lalu, namun hasil akhir kajian itu masih belum diperolehi.

"Di peringkat negeri, langkah segera adalah mengaktifkan semula geran pusat jagaan bagi memastikan lebih banyak taska berdaftar dapat beroperasi dengan baik," jelas beliau.

Beliau menegaskan, sebarang keputusan berhubung polisi berkaitan perlu disandarkan kepada data dan fakta agar penyelesaian lebih tepat dapat dicapai.

"Geran pusat jagaan dengan dana RM400,000 ini akan kita usahakan untuk lebih aktif membantu pengusaha yang memerlukan bagi memastikan operasi mereka sah dan berdaftar," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Mesyuarat Exco Wanita UMNO Malaysia

26 September 2025

Berita Bergambar



KOTA KINABALU 25 Sept.-Ketua Wanita UMNO Datuk Seri Dr Noraini Ahmad semasa hadir mempengerusikan Mesyuarat Exco Wanita UMNO Malaysia yang diadakan di Bilik Mesyuarat Bangunan UMNO Negeri Sabah hari ini. Intipati mesyuarat hari ini juga lebih berfokus membincangkan mengenai persiapan menghadapi Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah. Perbincangan tertumpu kepada gerak kerja jentera Wanita UMNO yang perlu digembelng secara tertusun dan berkesan demi memastikan kekuatan parti terus diperkukuhkan.



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerajaan perluas dialog awam antibuli melibatkan kanak-kanak

Nasional - Dicipta: 26 September 2025 04:11 PM



Datuk Seri Azalina berucap pada sesi Town Hall Antibuli #GenerasiTanpaBuli' peringkat negeri Pulau Pinang dan Perak di Dewan SJKC Aik Hua, Sungai Ara. Foto Bernama

BAYAN LEPAS, 26 September – Sesi dialog awam bersama pelajar daripada pelbagai peringkat umur akan dilaksanakan bagi mendapatkan pandangan berhubung Rang Undang-Undang (RUU) Antibuli.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, sesi yang dijangka berlangsung Oktober itu akan menjadi platform penting untuk mendengar pandangan pelajar bagi memastikan suara kanak-kanak diberi perhatian dalam penyediaan RUU berkenaan.

"Kita akan bawa anak-anak semua kepada kita dan kita pun nak dengar sebab saya rasa elok juga kita dengar pendapat mereka dari sekolah rendah, sekolah menengah dan universiti," katanya dalam sidang media selepas Sesi Dialog Awam Antibuli #Generasi Tanpa Buli Peringkat Pulau Pinang dan Perak di sini.

Sesi berkenaan disertai 300 peserta bertujuan mendapatkan pandangan serta maklum balas daripada semua pihak seperti guru, ibu bapa dan pelajar sebelum RUU berkenaan dimuktamadkan.

Ini kerana menurut Datuk Seri Azalina, maklum balas daripada sesi libat urus sebelum ini menunjukkan terdapat keperluan untuk memperluas definisi buli supaya tidak terhad kepada golongan di bawah usia 18 tahun.

Selain memastikan penubuhan tribunal antibuli yang dicadangkan berfungsi secara berkesan dan bukan sekadar simbolik.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



259 keluarga terjejas banjir terima RM1,000

Published on: Friday, September 26, 2025
By: Azmie Lim

Text Size: Dark Mode:



PENYERAHAN bantuan kepada salah seorang penerima

LAHAD DATU: Sebanyak 259 keluarga terjejas banjir awal tahun ini menerima Bantuan Wang Ihsan (BWI) daripada kerajaan negeri.

Penyerahan sumbangan berjumlah RM1,000 bagi setiap keluarga telah berlangsung di Dewan Serbaguna Kolej Vokasional, Segama.

Dianjurkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Cawangan Lahad Datu itu telah disempurnakan oleh Ketua Penolong Setiausaha Kanan Sabah Haryani Anah Abdul Kahar mewakili Setiausaha Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan Sabah Datuk Ag Shaminan.

Turut hadir ialah Pegawai Daerah Lahad Datu Firuz Idzualdeen @ Benetty Mohd Dzul bersama Pemimpin Pembangunan Masyarakat (PPM) Segama Datuk Mizma Appehdullah, PPM Tungku Momen Anchai dan PPM Silam Harun Batarasa serta Pegawai Kebajikan Daerah Shairol Sari.

Firuz dalam ucapannya menjelaskan proses pengagihan bantuan mengambil masa kerana sebahagian dokumen penerima perlu dilengkapi. Beliau berkata pihak berkuasa tetap berusaha memastikan semua keluarga terlibat menerima bantuan yang disediakan tanpa ada yang tertinggal.

Kerajaan negeri katanya sentiasa komited dalam membantu masyarakat terjejas bencana termasuk di daerah ini. Tambahnya bantuan yang disalurkan diharap dapat meringankan keperluan harian keluarga yang terjejas.

Terdahulu banjir yang berlaku pada 29 Januari hingga 2 Februari lalu menyebabkan lebih 300 orang dipindahkan ke tiga pusat pemindahan sementara di sekitar Lahad Datu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



BSN serah sumbangan RM45,000

Sulisti Asri
sulisti@metro.com.my



Timbalan Ketua Eksekutif BSN, Mujibburrahman Abd Rashid (kanan), menyampaikan sumbangan pendidikan BSN Care Sekolah Angkat MADANI kepada Pengerusi SMPKVSA, Wan Nomi Wan Omar (kiri) diaksikan oleh Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor, Anfal Saari sempena pelancaran Karnival KITA SMPKVSA 2025 di SMPK Vokasional Shah Alam. FOTO ROHANIS SHUKRI

Shah Alam: Bank Simpanan Nasional (BSN) memperkukuh komitmen tanggungjawab sosial korporatnya (CSR) dalam memperkasakan pendidikan negara apabila mengangkat Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) Shah Alam sebagai sekolah angkat menerusi inisiatif BSN Care Sekolah Angkat MADANI.

Menerusi program itu, BSN menyumbang RM45,000 yang merangkumi pelbagai aspek termasuklah kerja penyelenggaraan dewan sekolah seperti mengecat dinding dan membaiki siling, sumbangan pendingin udara mudah alih, serta wang tunai sebanyak RM15,000 untuk menyokong kelangsungan aktiviti sekolah.

Timbalan Ketua Eksekutif BSN, Mujibburrahman Abd Rashid berkata, inisiatif yang diletakkan di bawah segmen Pendidikan itu mencerminkan usaha berterusan pihaknya dalam meningkatkan kualiti persekitaran pendidikan dan pengalaman pembelajaran pelajar yang lebih kondusif dan inklusif.

Menurutnya, selain menyambut seruan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pembabitian BSN dalam program Sekolah Angkat MADANI ini adalah manifestasi komitmen bank itu untuk memberi semula kepada masyarakat.

Katanya, lebih daripada sekadar bantuan fizikal, inisiatif ini membawa mesej lebih besar iaitu mengiktiraf kepentingan sekolah pendidikan khas vokasional dalam membentuk masa depan pelajar berkeperluan khas.

"Usaha ini bukan sahaja membantu mereka menguasai kemahiran untuk kelangsungan hidup, malah membuka ruang untuk mereka berintegrasi dalam masyarakat dengan lebih yakin.

"Kami juga percaya, pelaburan dalam pendidikan khususnya bagi pelajar berkeperluan khas tidak hanya memberi impak lebih besar kepada golongan istimewa ini tetapi ia juga pelaburan masa depan negara," katanya selepas majlis penyerahan sumbangan itu.

Mujibburrahman berkata inisiatif itu juga membuktikan tanggungjawab memajukan pendidikan negara tidak terletak di bahu kerajaan semata-mata, sebaliknya memerlukan pembabitian holistik daripada semua pihak.

"Penambahbaikan fasiliti dalam pendidikan adalah kritikal untuk generasi masa depan.

"Selain menyumbang semula kepada Masyarakat, inisiatif ini adalah pelaburan sumber tenaga masa depan lebih berdaya saing dan mampu mengorak langkah memperkasakan negara dalam jangka masa panjang," katanya.

Di BSN, usaha murni ini dipayungi oleh platform BSN Care yang memberi tumpuan kepada enam teras utama iaitu Pendidikan, Komuniti, Kesihatan & Keselamatan, Sukan, Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan Perhubungan Perniagaan.

Melalui strategi ini, BSN Care bukan sahaja memperkukuh literasi kewangan dan gaya hidup sihat, malah turut membuka akses kepada perkhidmatan penting, sekali gus mengukuhkan peranan BSN sebagai pemangkin kemajuan dan keterangkuman untuk seluruh rakyat Malaysia.

Mujibburrahman berharap lebih ramai pihak akan tampil ke depan dalam menyokong pembangunan pendidikan negara.

"Kadang-kadang, usaha kecil sekali pun apabila digembleng bersama mampu memberi impak yang besar," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Inkues Zara Qairina: Saksi kanak-kanak keempat selesai beri keterangan

Jenayah - Dicipta: 26 September 2025 02:19 PM



KOTA KINABALU, 26 September – Saksi kanak-kanak keempat selesai memberi keterangan dalam prosiding inkues kematian Allahyarham Zara Qairina Mahathir pada hari ke-15 perbicaraan pagi tadi.

Pelajar itu mula memberi keterangan pada pukul 9.30 pagi dan selesai kira-kira dua jam kemudian sebelum mahkamah ditangguhkan pada 11.35 pagi.

Terdahulu, pasukan pegawai pengendali kes memaklumkan, saksi kanak-kanak kelima akan dipanggil memberi keterangan pada pukul 2 petang ini.

Seorang lagi saksi turut bersedia tampil sekiranya keterangan saksi kelima selesai lebih awal.

Prosiding yang melibatkan saksi kanak-kanak dijalankan secara tertutup.

Sebelum ini, Koroner Amir Shah Amir Hassan mencadangkan prosiding berkenaan diberi liputan media.

Namun, Mahkamah Koroner Kota Kinabalu semalam memutuskan untuk mengekalkan status quo, iaitu tidak membenarkan sebarang liputan media.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Amang seksual fizikal: Guru lelaki dipenjara 15 tahun, lima sebatan

© September 26, 2025, Jumaat - 4:15pm



Tertuduh (kanan) bercakap dengan peguamnya, Gerald semasa berada di hadapan kamar Mahkamah Sesyen Kuching, hari ini.

ia terutamanya selepas mengambil kira keadaan kes berkenaan serta cara perbicaraan dijalankan.

Tertuduh didakwa melakukan kesemua kesalahan tersebut terhadap dua pelajar lelaki dan seorang pelajar perempuan, masing-masing berusia 12 tahun pada waktu kejadian, yang menuntut di sekolah serta berada di kelas sama.

Mengikut pertuduhan pindaan pertama (pindaan kedua), dia didakwa menarik kemaluan pelajar lelakinya untuk tujuan seksual manakala pertuduhan pindaan kedua (pindaan kedua) pula menyaksikan dia didakwa mencium pipi kanan dan menarik kemaluan seorang lagi pelajar lelaki lain.

Kesalahan-kesalahan tersebut dilakukannya pada 14 Januari 2020, antara jam 9 dan 10 pagi di sebuah kelas di sebuah sekolah kerajaan di Petra Jaya, di sini.

Sementara itu bagi pertuduhan pindaan ketiga (pindaan kedua), guru itu didakwa menyentuh payudara pelajar perempuan untuk tujuan seksual dalam satu kejadian pada 19 Januari 2020, antara jam 9 dan 10 pagi, juga di tempat sama.

Terdahulu pada 17 Mei 2022, Mahkamah Sesyen di sini melepas dan membebaskan tertuduh daripada ketiga-tiga pertuduhan itu tanpa perlu dipanggil untuk membela diri selepas mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan prima facie di akhir kes pendakwaan.

Pihak pendakwaan kemudiannya mengemukakan rayuan berhubung keputusan itu dan pada 22 November 2024, Mahkamah Tinggi Kuching membenarkan rayuan tersebut.

Mahkamah mendapati terdapat tiga kes prima facie terhadap tertuduh serta menetapkan keputusan pelepasan dan pembebasan terdahulu, selain memerintakkannya membela diri di Mahkamah Sesyen Kuching.

Pada 26 November 2024, tertuduh memilih untuk memberi keterangan bersumpah dan perbicaraan di peringkat pembelaan kemudiannya berlangsung pada 20 dan 25 Jun 2025 dengan memanggil tiga saksi.

Pihak pembelaan menutup kes pada 30 Jun 2025 dengan beberapa pembalasan penghujahan bertulis oleh kedua-dua pihak berlaku antara Julai dan Ogos 2025, sebelum keputusan dijadualkan berlangsung pada hari ini.

Pendakwaan kes dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Aiman Mutalib Muhammad Shariff sementara tertuduh diwakili peguam Steven Beti dan Gerald Donald.

KUCHING: Seorang guru lelaki dijatuhi hukuman penjara 15 tahun dan dikenakan lima sebatan di Mahkamah Sesyen hari ini, selepas didapati bersalah melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang pelajar lelaki berusia 12 tahun pada waktu kejadian iaitu 2020.

Hukuman tersebut dijatuhkan oleh Hakim Iris Awen Jon selepas perbicaraan penuh dijalankan terhadap tertuduh berusia 42 tahun itu, dengan tuduhan dibuat mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (SOACA) 2017.

Di mahkamah sama juga, Iris melepas dan membebaskan tertuduh daripada dua lagi pertuduhan di bawah seksyen sama setelah tertuduh berjaya menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan.

"Berhubung pertuduhan pertama dan ketiga, saya mendapati tertuduh berjaya menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan.

"Dengan ini saya membebaskan dan melepaskan tertuduh daripada pertuduhan di bawah Seksyen 14(a) Akta SOACA 2017.

"Sementara bagi pertuduhan kedua, saya mendapati tertuduh telah gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan.

"Saya dengan ini berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes melampaui keraguan munasabah dan tertuduh dengan ini disabitkan dengan kesalahan di bawah Seksyen 14(a) SOACA 2017," katanya ketika memberikan keputusan mengenai kes tersebut, hari ini.

Iris yang mengarahkan hukuman penjara berkuat kuasa hari ini bagaimanapun membenarkan penangguhan pelaksanaan hukuman sementara menunggu rayuan.